

23/08/1998

Spekulator: Dunia mula buka mata

SEPTEMBER tahun lalu, pada hari pertama persidangan Tabung Mata Wang Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-Bank Dunia), di Hong Kong, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat tepukan gemuruh mereka yang hadir. Kalangan mereka adalah pakar kewangan dunia, pemimpin negara dan profesional yang terbabit secara langsung dalam sistem kewangan antarabangsa.

Walaupun adalah mustahil untuk mengetahui isi hati setiap mereka yang mendengar cadangan dan kritikan Perdana Menteri itu terhadap urusan pasaran mata wang asing yang penuh dengan pelbagai manipulasi, ramai yang enggan bersetuju apabila Dr Mahathir menyarankan masyarakat dunia mengharamkan kegiatan spekulator itu.

Media antarabangsa dalam laporan mereka keesokannya menyatakan idea itu satu lelucon dan tidak boleh diterima langsung. Esoknya, George Soros, spekulator kewangan yang sudah banyak membawa mudarat kepada beberapa buah negara sebelum ini, menyerang balas saranan Perdana Menteri di persidangan itu.

Menyifatkan idea Dr Mahathir itu akan membawa malapetaka dan bencana besar kepada sistem ekonomi kapitalis, majlis penutup persidangan itu bagaikan satu medan perang yang sangat ditunggu Soros untuk meledakkan peluru kepada musuhnya. Segala rasa hatinya yang terbuku terhadap dakwaan Dr Mahathir diluahkannya.

Tidak cukup dengan fakta dan angka kewangan untuk menangkis setiap dakwaan Dr Mahathir, Soros warga negara Amerika berketurunan Yahudi itu melabel Dr Mahathir sebagai bahaya kepada negara sendiri. Membuat kesimpulan awal bahawa apa yang akan dikatakannya itu tidak akan dilaporkan oleh media Malaysia dengan alasan Dr Mahathir mengawalinya, Soros dalam sidang akhbarinya selepas itu terus mengecam Perdana Menteri.

Untuk menggambarkan beliau di pihak benar, Soros secara sinis berkata beliau kasihan dengan rakyat Malaysia kerana kesan daripada tindakan Dr Mahathir itu. 'Tetapi saya tidak bersimpati langsung kepada Dr Mahathir. Beliau mesti dipertanggungjawabkan atas apa yang berlaku terhadap Malaysia sekarang.' Tambahnya lagi, Dr Mahathir mengkritiknya bagi menutup kelemahannya sendiri mengurus ekonomi Malaysia. Beliau juga menuduh Malaysia anti-Barat.

Bermula dari situ, Malaysia terus bersuara lantang menegaskan pendiriannya iaitu urus niaga pasaran tukaran mata wang asing mesti dikawal selia. Walaupun pada hakikatnya kegiatan spekulasi tidak boleh dipisahkan sepenuhnya dan pasaran modal serta tukaran mata wang asing, sebarang unsur manipulasi mesti dikawal.

Di forum dan pertemuan pemimpin peringkat antarabangsa, Dr Mahathir terus mencanangkan gagasan Malaysia itu, walaupun ramai terutama di kalangan negara besar menyifatkan perkara itu sukar dilakukan, tetapi tidak kurang juga yang mula membuka mata.

Kini sesudah hampir setahun, selepas begitu banyak mata wang menjadi sasaran spekulator hingga banyak mata wang dunia jatuh pada paras yang tidak munasabah lagi manakala ekonomi mereka terus tertekan, semakin ramai menerima kebenaran mengapa perlu kegiatan itu dikawal selia.

Memang sukar untuk menuduh apa yang berlaku ini adalah satu pakatan dan manipulasi. Tetapi jika keadaan itu berlaku dari sebuah negara ke sebuah negara di Asia dan kini menular ke Afrika Selatan dan Russia, apakah sukar kita membuat sebarang telahan.

Soros sendiri mengakui perlunya diadakan kawalan terhadap spekulator

keuangan yang kini menyebabkan krisis mata wang di dunia berpanjangan. Media antarabangsa juga mula menampelak Soros bahawa apa yang dilakukan salah manakala tentangan Dr Mahathir jelas berasas.

Dakwaan Soros bahawa kecaman terhadapnya dibuat semata-mata bagi menutup kelemahan Dr Mahathir adalah muslihat pembiaya kewangan itu untuk mengabui mata dunia mengenai kerjaya manipulasi yang diceburi sejak lebih 40 tahun lalu.

Dr Mahathir kelmarin secara sinis mahu Soros meneruskan kerjayanya yang sudah menjadi darah daging, menjadikannya hidup mewah, dihormati masyarakat kewangan dunia serta dikerumuni lensa kamera, agar lebih ramai orang lain celik akan kesan buruk kegiatan spekulator.

IMF-Bank Dunia seharusnya jangan terus membiarkan orang seperti Soros bermaharajalela walaupun masyarakat antarabangsa semakin bertegas perlunya kawal selia dan ketelusan dalam perdagangan mata wang asing. IMF dan Bank Dunia sudah lena terlalu lama.

(END)